



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
E-mail : ismailmerican@moh.gov.my

12

Ruj Kami : (1) dlm KKM/NIHSEC/03/0301-01  
Tarikh : 5 September 2007

**Senarai Edaran Seperti Di Lampiran**

Y Bhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL.9/2007**

**GARISPANDUAN INSTITUT KESIHATAN NEGARA MENGENAI PENYELIDIKAN YANG  
DIJALANKAN DI INSTITUSI DAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan yang mesti digunakan untuk maksud penyelidikan yang dilaksanakan di Jabatan / Institusi dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Garis panduan yang bertajuk "*National Institutes of Health (NIH) Guidelines for Conducting Research in the Ministry of Health (MOH) Institutions and Facilities*" ini disediakan sebagai satu pengemaskinian dan penyeragaman polisi dan prosedur penyelidikan KKM.

**2. ASPEK PENTING GARISPANDUAN**

Berikut adalah aspek-aspek penting di dalam garis panduan yang mesti diberikan perhatian dan penekanan :

- 2.1 Semua penyelidikan mesti memperoleh kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui tatacara yang ditetapkan.
- 2.2 Semua penyelidikan KKM mesti didaftarkan secara *online* di *National Medical Research Register* ([www.nmrr.gov.my](http://www.nmrr.gov.my)).
- 2.3 Penyelidikan yang mempunyai aspek etika mesti memperoleh kelulusan dari Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (JEPP), KKM.

- 2.4 Semua penerbitan hasil dari penyelidikan KKM mesti memperoleh kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan.
- 2.5 Sebarang diseminasi atau sebaran hasil penyelidikan samada melalui penulisan, pengiklanan, pembentangan atau untuk ke media mesti memperoleh kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan.

### 3. TARIKH PELAKSANAAN

Surat Pekeliling ini dengan Garispanduan berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Dengan penguatkuasaan ini, pekeliling ini juga membatalkan pekeliling-pekeliling yang terdahulu mengenai prosedur penyelidikan.

### 4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Ketua Urusetia NIH  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
d/a Institut Pengurusan Kesihatan  
Jalan Rumah Sakit, Bangsar  
59000 KUALA LUMPUR  
Tel : 03 2287 4032

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**



**(TAN SRI DATUK DR HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia